

■ Hujan lebat hakis tebing Sungai Meliau

Dentuman dapur roboh

FOTO: HAZSYAH ABDUL RAHMAN

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@hmetro.com.my
Beluran

Sebanyak dua rumah penduduk rosak selepas tebing Sungai Meliau runtuh akibat hujan lebat beberapa jam di Kampung Gambaron, Telupid, dekat sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 1 pagi itu, mangsa dikejutkan dengan dentuman kuat sebelum mendapati bahagian dapur rumah mereka musnah akibat runtuhnya itu.

Keadaan itu menyebabkan 15 penghuni rumah termasuk 10 kanak-kanak keluar dari kediaman bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Ketua Polis Daerah Beluran Superintendan V Sivananthan berkata, hujan dilaporkan berlaku sejak tiga hari lalu menyebabkan arus sungai semakin kuat sehingga berlaku hakisan.



FAKTA
Enam rumah lain berisiko terjejas jika tanah runtuh semakin buruk

DAPUR rumah mangsa runtuh di Kampung Gambaron, Telupid.

“Sebaik menerima aduan, sepasukan anggota polis bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati berlaku runtuhan tebing.

“Kami dapati dapur di dua rumah rosak sepenuhnya dan mendap bersama runtuhan tebing di situ.

“Bagaimanapun, runtuhan terbaru itu tidak membabitkan kecederaan dan kema-

langan jiwa,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sivananthan berkata, selain dua rumah terbabit, pihaknya mendapati enam rumah lain turut berisiko jika tanah runtuh semakin buruk di kampung berkenaan.

“Secara keseluruhan, 40 penduduk dari sembilan keluarga di kampung berkenaan diarah berpindah atas

faktor keselamatan walaupun rumah mereka belum lagi terjejas.

“Bagaimanapun, semua mangsa enggan berpindah dan mahu menetap di rumah masing-masing.

“Sehubungan itu, polis mengambil langkah berjaga-jaga mengawal kawasan berkenaan termasuk menutup kawasan runtuhan de-



ANGGOTA Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) meninjau keadaan kawasan tanah runtuh.

ngan kanvas bagi mengurangkan hakisan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Beluran Suhaili Ramin berkata, 13 individu terjejas selepas banjir dilaporkan melanda di Kampung Rampek dan Liningkung semalam.

“Selain itu, air turut dilaporkan naik di beberapa kampung sekitar Beluran

termasuk Bakong-Bakong, Biru-biru, Perancangan, Sualog dan Kuala Sapi, namun tidak menjejaskan rumah penduduk.

“Setakat ini, 13 mangsa di Kampung Rampek dan Liningkung tidak dipindahkan ke penempatan sementara memandangkan keadaan mereka masih selamat didiami,” katanya.